

MOHD. ALI TAMBY
PENGLIBATANNYA DI DALAM BIDANG PERFILEMAN
DARI TAHUN 60AN HINGGA HARI INI (90AN)

ABDUL MUTALIB B. ABDUL RAHMAN
88060519

DIPLOMA SENILUKIS DAN SENIREKA (GRAFIK)
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM , SELANGOR DARUL EHSAN
TAHUN 1991/92

927.91437
ABD

PENGHARGAAN

Saya (penulis) mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah S.W.T di atas kurniaannya sehingga tesis ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga untuk adik-beradik yang turut membantu.

Ucapan penghargaan seterusnya untuk orang-orang perseorangan ataupun pihak-pihak tertentu yang telah secara langsung atau tidak langsung turut terlibat di dalam menjayakan tesis ini, terutamanya;

1. - Encik Mohd. Aris bin Abdullah.
Pensyarah Jabatan Grafik, ITM Shah Alam.
- Sebagai penasihat yang banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar.
2. - Encik Mohd. Ali bin Tamby.
Pengarah Seni/ Kesan Khas, Lensa Film, Kuala Lumpur.
- Tanpanya tesis ini tidak akan wujud.
3. - Encik Mohd. Sharif.
Pensyarah Jabatan Grafik, ITM Shah Alam.
- Turut memberikan bantuan.

SINOPSIS

Penulisan tesis berbentuk biografi ini bertujuan untuk mengenengahkan seseorang insan yang berbakat besar di dalam bidang perfileman iaitu Encik Mohd. Ali bin Tamby yang merupakan seorang pengarah seni merangkap pereka set dan juga penata kesan khas. Biarpun namanya tidak begitu dikenali oleh masyarakat umum namun sumbangannya terhadap bidang perfileman negara tidak boleh diperkecilkan memandangkan tempoh penglibatannya yang telah menjangkau lebih daripada suku abad iaitu bermula daripada awal 60an lagi. Tiga puluh tahun lebih bukanlah suatu jangka masa yang singkat, berbagai perkara boleh berlaku di dalam tempoh tersebut. Kurangnya beliau dikenali adalah disebabkan oleh tugasnya sendiri memandangkan apa yang dilakukannya bolehlah dikatakan sebagai 'kerja dibalik tabir'. Orang ramai hanya akan melihat serta memuji apa yang telah dihasilkannya tanpa berpeluang mengenali orang yang telah mengerjakannya. Disebabkan itu jugalah yang membuatkan saya (penulis) begitu tertarik untuk memperkatakan tentang beliau khususnya terhadap bidang tugas serta pengalamannya.

KANDUNGAN

MUKASURAT

ISI KANDUNGAN

HALAMAN PEMERIKSA

PENGHARGAAN

SINOPSIS

BAB 1

Pengenalan

1

1.1 Apa itu set dan kesan khas

1

1.2 Tugas seorang pengarah seni dan kesan khas. 4

1.3 Kenapa bidang ini menjadi pilihan. 5

1.4 Kenapa merasakan bidang ini penting. 8

BAB 2

Latarbelakang

10

2.2 Pendidikan. 10

2.3 Selepas menamatkan persekolahan. 12

BAB 3

Pembuka Jalan, Perjalanan Kerjaya.

3.1 Bagaimana peluang itu datang. 15

3.2 Langkah pertama. 16

3.3 Langkah seterusnya. 19

3.4 Kebosanan, putus asa. 23

3.5 Peranan yang dimainkan setelah kembali. 26

3.6 Hasil kerja pertama setelah menyertai Lensa. 30

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 APA ITU SET DAN KESAN KHAS.

Set merupakan suatu rekabentuk atau hiasan yang dihasilkan bagi menghidupkan suasana sesuatu adegan filem atau pementasan. Senireka set terbahagi kepada beberapa kategori iaitu;

- 1) Untuk persembahan nyanyian atau tarian.

Lebih kepada unsur-unsur hiasan bertujuan menghidupkan persembahan tersebut agar tidak hambar dan membosankan.

- 2) Pementasan teater atau bangsawan.

Ianya mudah serta ringkas, bergantung kepada jalan cerita pementasan tersebut. Contoh, jika plotnya berkisar kepada golongan raja-raja maka rekabentuk setnya perlulah menggambarkan suasana istana.